

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH PENDIDIKAN KHAS (SEMAKAN 2017)

PENDIDIKAN SAINS, SOSIAL DAN ALAM SEKITAR

(MASALAH PEMBELAJARAN)

TAHUN 4
BUKU TEKS

Penulis

Muhd Aidil Firdaus bin Mohd Abdullah
Rohana binti Md Ghouse
Atikah binti Yusoff

Editor

Marliana binti Shamsir

Pereka Bentuk

Nor Azzua binti Omar

Ilustrator

Noor Azizi bin Umar Ali



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2019





KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0071

KK 507-221-0102011-49-2507-20101
ISBN 978-983-49-2507-9

Cetakan Pertama 2019
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2019

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk
Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
Telefon: 03-21479000 (8 talian)
Faksimile: 03-21479643
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:
Agentlink Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: KSSR
Saiz Muka Taip Teks: 18 poin

Dicetak oleh:
Unggul Printing (KL) Sdn. Bhd.,
No. 17, Jalan Hitech 6/I,
Kawasan Perindustrian Hitech 6,
43500 Semenyih,
Selangor.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama daripada banyak pihak. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khusus kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan serta Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arkib Negara Malaysia.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Jabatan Penerangan Malaysia.
- Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.
- Sekolah Kebangsaan Bukit Naga, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
- Semua pihak yang terlibat dalam proses penerbitan buku ini.

KANDUNGAN



PENDAHULUAN

v

BENDA HIDUP DAN BENDA BUKAN HIDUP

1

- Persekitaran Saya 2
- Mari Mengelas 4
- Ciri-ciri Benda Hidup 5
- Kegunaan Benda Hidup dan Benda Bukan Hidup 6
- Saya Ingat 8
- Saya Jawab 8



MANUSIA

9

- Organ Deria Saya dan Fungsinya 10
- Tindak Balas Organ Deria Manusia terhadap Rangsangan 12
- Cara Penjagaan Organ Deria 13
- Kepentingan Penjagaan Organ Deria 14
- Saya Ingat 16
- Saya Jawab 16



HAIWAN

17

- Bunyi dan Pergerakan Haiwan 18
- Tempat Tinggalku 19
- Kenali Bahagian Tubuh Haiwan 20
- Fungsi Bahagian Tubuh Haiwan 22
- Saya Ingat 24
- Saya Jawab 24



TUMBUHAN

25

- Tumbuhan di Persekitaran Kita 26
- Bahagian Tumbuhan dan Fungsinya 28
- Saya Ingat 30
- Saya Jawab 30



CAHAYA

31

- Sumber Cahaya 32
- Kepentingan Cahaya 33
- Wah, Kita Serupa! 34
- Saya Ingat 36
- Saya Jawab 36



AIR

37

- Sumber Air Semula Jadi 38
- Kepentingan Air 40
- Punca Pencemaran Air 41
- Kesan Pencemaran Air 42
- Cara Mengatasi Pencemaran Air 43
- Saya Ingat 44
- Saya Jawab 44



BENTUK MUKA BUMI **45**

- Bentuk Muka Bumi Kita 46
- Kepentingan Bentuk Muka Bumi 48
- Mari Cipta Model 50
- Saya Ingat 52
- Saya Jawab 52



BENCANA ALAM **53**

- Banjir dan Tanah Runtuh 54
- Kesan Banjir dan Tanah Runtuh 56
- Keselamatan Keutamaan Kita 58
- Cara Mengatasi Banjir dan Tanah Runtuh 59
- Saya Ingat 60
- Saya Jawab 60



KITAR SEMULA **61**

- Apakah Kitar Semula? 62
- Bahan yang Boleh Dikitar Semula 63
- Kenali Simbol dan Warna Tong Kitar Semula 64
- Kepentingan Kitar Semula 66
- Bekas Alat Tulis 67
- Saya Ingat 68
- Saya Jawab 68



KENALI MALAYSIA **69**

- Negaraku Merdeka 70
- Benderaku 72
- Lagu Negaraku 73
- Sayangi Malaysiaku 74
- Ibu Negaraku 75
- Malaysia Negaraku 76
- Saya Ingat 78
- Saya Jawab 78



MASYARAKAT DI MALAYSIA **79**

- Kaum Utama di Malaysia 80
- Makanan Kaum Utama di Malaysia 81
- Saya Ingat 82
- Saya Jawab 82



KEMAHIRAN SOSIAL DI TEMPAT AWAM **83**

- Pasar Raya di Tempat Saya 84
- Komunikasi di Pasar Raya 86
- Ucapan dan Tingkah Laku Baik 88
- Jamuan Kelas Akhir Tahun 89
- Saya Ingat 90
- Saya Jawab 90

PENDAHULUAN

Buku Teks *Pendidikan Sains, Sosial dan Alam Sekitar (Masalah Pembelajaran) Tahun 4* ini ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tahun 4 yang terdapat dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran). Penulisan buku ini bertujuan untuk memenuhi dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 supaya kualiti pendidikan yang dilaksanakan setanding dengan pendidikan antarabangsa.

Buku ini mengandungi 12 unit yang terdiri daripada empat tema, iaitu Sains, Geografi dan Alam Sekitar, Sejarah, dan Kemahiran Sosial. Setiap unit dalam buku ini dimulai dengan halaman rangsangan supaya dapat menarik minat dan memberikan persediaan kepada murid untuk mempelajari sesuatu unit. Halaman seterusnya ialah halaman kandungan yang mencakupi setiap standard pembelajaran bagi mengukuhkan pemahaman murid tentang kandungan yang diajar. Nota ringkas dan soalan juga dimuatkan pada setiap akhir sesuatu unit.

Guru boleh membuat pengubahsuaian terhadap kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran dalam buku ini selaras dengan Murid Berkeperluan Khas (MBK) yang terdiri daripada pelbagai tahap serta kemampuan. Walau bagaimanapun, apa-apa pengubahsuaian yang dilaksanakan hendaklah mengikut Kurikulum Pendidikan Khas.

Akhir sekali, panel penulis berharap agar pakej buku teks ini dapat memenuhi keperluan murid Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Tahun 4 untuk melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan asas sains, menghargai alam sekitar, mempunyai semangat patriotik dan boleh berkomunikasi secara positif dalam kehidupan harian mereka.

KETERANGAN IKON



SAYA INGAT

Nota ringkas berdasarkan kandungan pembelajaran pada akhir setiap unit.



SAYA JAWAB

Soalan untuk menilai kefahaman murid pada akhir setiap unit.



SOALAN

Soalan yang perlu dijawab oleh murid untuk menguasai setiap standard pembelajaran.



KBAT

Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).



SAYA CUBA

Aktiviti yang membantu murid untuk mencapai standard pembelajaran dan tahap penguasaan yang ditetapkan.



AWAS

Aspek keselamatan yang perlu diberikan perhatian ketika menjalankan aktiviti.

Imbas Saya



KOD QR

Maklumat tambahan untuk aktiviti pembelajaran yang boleh diimbas dengan peranti pintar mudah alih.



Pautan halaman pada buku aktiviti.



Nombor standard pembelajaran seperti yang terdapat dalam DSKP.



Nota Guru

Panduan dan maklumat tambahan untuk membantu guru melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

WATAK



Cikgu Sani



Amir



Mei Mei



Dev



Stacy

Hari ini merupakan latihan sukan bagi murid kelas 4 Aktif.



Sebutkan benda-benda yang terdapat dalam gambar.



Persekitaran Saya

Pada hujung minggu yang lepas, Amir dan keluarganya pergi ke taman rekreasi. Sebutkan benda yang terdapat di taman tersebut. Kemudian, kenal pasti benda hidup dan benda bukan hidup.



ikan

manusia

pokok bunga

Manusia, ikan dan pokok bunga ialah contoh benda hidup.



Raket, baju dan tong sampah ialah contoh benda bukan hidup.

raket




baju

tong sampah



SOALAN

Cari gambar benda hidup dan benda bukan hidup yang lain. Tampakkannya dalam buku skrap.





Mari Mengelas

Kenal pasti ciri-ciri benda di bawah.



bunga



botol air



raket



manusia

Ciri-ciri benda di atas adalah seperti yang berikut:

- Bunga ialah benda hidup.
- Botol air ialah benda bukan hidup.
- Manusia ialah benda hidup.
- Raket ialah benda bukan hidup.

Kita boleh mengumpulkan benda-benda di atas berdasarkan ciri-ciri sepunya.

Benda hidup

- bunga
- manusia

Benda bukan hidup

- raket
- botol air

Oleh itu, pengelasan boleh dibuat mengikut ciri-ciri benda hidup dan benda bukan hidup.

bunga

botol air

raket

manusia

Benda hidup

- bunga
- manusia

Benda bukan hidup

- raket
- botol air



SOALAN

Kelaskan benda-benda di bawah kepada ciri-ciri benda hidup dan benda bukan hidup.

- rumput
- basikal
- rama-rama
- kerusi

1.1.2



Nota Guru

- Mengelas ialah mengasing dan mengumpul benda kepada kumpulan masing-masing.
- Ciri-ciri sepunya ialah ciri-ciri yang dipunyai bersama-sama.

Buku Aktiviti


Halaman

3-4




Ciri-ciri Benda Hidup

Semua benda hidup mempunyai ciri-ciri yang berikut:



Tumbuhan juga merupakan benda hidup. Tumbuhan bergerak sama ada ke arah atau menjauhi rangsangan. Contohnya, tumbuhan akan bergerak ke arah cahaya untuk tumbesaran.




SOALAN

Ceritakan ciri-ciri benda hidup bagi haiwan.



Nota Guru


Benda hidup termasuklah manusia, haiwan dan tumbuhan.






Kegunaan Benda Hidup dan Benda Bukan Hidup


Benda hidup dan benda bukan hidup mempunyai banyak kegunaan dalam kehidupan harian. Situasi dalam gambar menunjukkan contoh kegunaan benda hidup dan benda bukan hidup.



Daun pisang boleh dijadikan sebagai pembungkus makanan.




Cacing merupakan sumber makanan bagi sesetengah haiwan.



Ikan, ayam dan sayuran merupakan sumber makanan manusia.

1.1.4



Rumah digunakan untuk berlindung
daripada hujan dan panas.

Penyapu digunakan untuk
membersihkan persekitaran.

 **SOALAN**

Apakah kegunaan lain benda hidup dan
benda bukan hidup di persekitaran kamu?



SAYA INGAT

1. Benda-benda di persekitaran terbahagi kepada benda hidup dan benda bukan hidup.
2. Ciri-ciri benda hidup ialah:
 - (a) memerlukan makanan,
 - (b) memerlukan air,
 - (c) bernafas,
 - (d) bergerak,
 - (e) membesar, dan
 - (f) membiak.
3. Contoh benda hidup ialah daun pisang. Daun pisang dijadikan sebagai pembungkus makanan. Manakala, contoh benda bukan hidup ialah penyapu. Penyapu digunakan untuk membersihkan persekitaran.



SAYA JAWAB

Jawab semua soalan dalam buku latihan.

1. Kelaskan benda berikut kepada benda hidup dan benda bukan hidup.

pokok	telefon	kucing	kereta
-------	---------	--------	--------

2. Nyatakan ciri-ciri benda hidup di bawah.



(b)

Hari 1	Hari 3	Hari 7	Hari 8	Hari 10

3. Nyatakan kegunaan benda hidup dan benda bukan hidup.



KBAT

Mengapakah benda hidup perlu membiak?

Stacy dan rakan-rakan menyertai Hari Kantin yang diadakan di sekolah mereka.




Ceritakan pengalaman Stacy dan rakan-rakan semasa Hari Kantin tersebut.



Organ Deria Saya dan Fungsinya


Kita mempunyai lima organ deria, iaitu mata, telinga, hidung, lidah dan kulit. Setiap organ deria mempunyai fungsi yang tertentu.



2.1.1
2.1.2




3 hidung



fungsi hidung untuk menghidu



4 lidah



fungsi lidah untuk merasa



5 kulit



fungsi kulit untuk menyentuh



SOALAN

Secara berpasangan, tunjukkan organ deria rakan kamu dan nyatakan fungsinya.



Tindak Balas Organ Deria Manusia terhadap Rangsangan

Rangsangan ialah faktor luaran yang mendorong kepada sesuatu tindak balas. Gambar di bawah menunjukkan tindak balas Mei Mei apabila kulitnya mengesan rangsangan, iaitu permukaan panas.





Tindak balas yang berlaku ialah Mei Mei menarik tangannya dengan serta-merta.



SOALAN

Jelaskan tindak balas organ deria bagi gambar di bawah.



2.1.2

Buku Aktiviti
Halaman

12



Cara Penjagaan Organ Deria

Organ deria perlu dijaga supaya dapat berfungsi dengan baik.

Gambar yang berikut menunjukkan cara penjagaan mata dan telinga dengan betul:

mata



menonton televisyen pada jarak yang sesuai

telinga




mendengar muzik dengan perlahan



SOALAN

Bagaimanakah kamu menjaga lidah dan kulit supaya sentiasa bersih?



2.1.3

Buku Aktiviti
Halaman


13




Kepentingan Penjagaan Organ Deria

Organ deria dapat berfungsi dengan baik jika kita menjaganya dengan cara yang betul. Mari kita kenal pasti kepentingan penjagaan organ deria di bawah.

- ① Menonton televisyen pada jarak yang sesuai dapat mengelakkan masalah penglihatan seperti rabun.




- ② Mendengar muzik dengan perlahan dapat mengelakkan pendengaran daripada terjejas.




2.1.4

- ③ Menggosok permukaan lidah semasa memberus gigi dapat mengelakkan mulut dan nafas berbau.



- ④ Membersihkan tangan dengan sabun dapat mengelakkan kulit terkena jangkitan kuman.



SOALAN

Kita membersihkan kotoran pada hidung dengan menggunakan tisu atau kain lembut. Pada pendapat kamu, mengapakah kamu perlu menjaga kebersihan hidung?



SAYA INGAT

1. Organ deria manusia ialah mata, telinga, hidung, lidah dan kulit.
2. Fungsi setiap organ deria adalah seperti yang berikut:

Organ Deria	Fungsi
mata	melihat
telinga	mendengar
hidung	menghidu
lidah	merasa
kulit	menyentuh

3. Yang berikut ialah cara penjagaan organ deria:
 - (a) mata – menonton televisyen pada jarak yang sesuai
 - (b) lidah – menggosok permukaan lidah semasa memberus gigi
 - (c) telinga – mendengar muzik dengan perlahan
 - (d) kulit – membersihkan kulit dengan sabun
4. Kita mestilah menjaga organ deria supaya dapat berfungsi dengan baik.



SAYA JAWAB

Jawab semua soalan dalam buku latihan.

1. Sebutkan semua anggota deria manusia dan fungsinya.
2. Terangkan cara-cara untuk menjaga organ deria dengan baik.
3. Mengapakah kita perlu menjaga organ deria?



KBAT

Apakah yang akan berlaku jika salah satu organ deria kamu tidak berfungsi dengan baik? Terangkan.

Terdapat pelbagai haiwan di persekitaran kita.



Namakan haiwan-haiwan yang terdapat dalam gambar ini.



Bunyi dan Pergerakan Haiwan

Setiap haiwan mempunyai bunyi dan pergerakan yang tertentu.

Ini kambing.

Bunyi kambing embek...embek...embek...

Kambing bergerak dengan cara berjalan.

Imbas Saya



Layari laman sesawang <http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=1997> untuk mendengar bunyi haiwan. (Dicapai pada 2 Ogos 2019)



Ini burung.

Bunyi burung cip...cip...cip...

Burung bergerak dengan cara terbang.



SOALAN

Nyatakan bunyi dan pergerakan haiwan lain dalam situasi di atas.

3.1.1

Buku Aktiviti

Halaman

15-16



Tempat Tinggalku

Setiap haiwan memerlukan tempat tinggal. Tempat tinggal haiwan dikenali sebagai habitat. Mari kita kenali habitat haiwan ini.



harimau

salamander

katak



ikan




udang



Habitat haiwan dikelaskan kepada darat, air serta darat dan air.

arnab



SOALAN


Kelaskan habitat bagi haiwan di bawah.





Kenali Bahagian Tubuh Haiwan

Mari kita kenali bahagian tubuh haiwan.



kepak

paruh

burung

sirip

ekor

sisik

ikan

3.1.3

seladang

tanduk

rusa

cangkerang

bulu

kura-kura

SOALAN

Kenal pasti bahagian tubuh pada haiwan seladang di atas.

Buku Aktiviti


Halaman

19-20




Fungsi Bahagian Tubuh Haiwan

Setiap bahagian tubuh haiwan mempunyai fungsinya. Mari kita lihat fungsi bahagian tubuh haiwan di bawah.



Bulu untuk memanaskan badan haiwan.
Tanduk untuk mempertahankan diri.



Sirip membolehkan ikan berenang.
Ekor pada buaya membantunya bergerak di dalam air.

3.1.4



paruh



kepak

Paruh membolehkan haiwan untuk makan.
Kepak membolehkan haiwan untuk terbang.



sisik



cangkerang

Sisik dan cangkerang melindungi tubuh haiwan.



SOALAN

Ceritakan fungsi bahagian tubuh pada siput dan arnab.





SAYA INGAT

1. Setiap haiwan mempunyai bunyi dan pergerakan yang tertentu.
2. Habitat haiwan terbahagi kepada tiga, iaitu darat, air serta darat dan air.
3. Antara bahagian tubuh haiwan termasuklah paruh, sisik, sirip, bulu, cangkerang, ekor, tanduk dan kepak.
4. Fungsi bahagian tubuh haiwan ialah:
 - (a) paruh - membolehkan haiwan untuk makan
 - (b) sisik - melindungi tubuh haiwan
 - (c) sirip - membolehkan ikan berenang
 - (d) bulu - memanaskan badan haiwan
 - (e) cangkerang - melindungi tubuh haiwan
 - (f) ekor - membantu pergerakan haiwan
 - (g) tanduk - mempertahankan diri
 - (h) kepak - membolehkan haiwan untuk terbang



SAYA JAWAB

Jawab semua soalan dalam buku latihan.

1. Nyatakan bunyi dan pergerakan haiwan di bawah.
(a) katak (b) lembu
2. Kelaskan haiwan yang berikut mengikut habitatnya:

singa	katak	sotong	kuda	obor-obor	kodok
-------	-------	--------	------	-----------	-------
3. Kenal pasti bahagian tubuh haiwan ini.
Nyatakan fungsinya.



KBAT

Mengapakah haiwan menggunakan tanduk untuk mempertahankan diri?

Cikgu Sani membawa murid-murid Kelas 4 Aktif ke taman bunga. Ceritakan situasi di bawah.

Wah, cantiknya!



Tumbuhan di Persekitaran Kita

Terdapat pelbagai tumbuhan di persekitaran kita.

Jom kita kenali tumbuhan yang terdapat di taman ini.



pokok pisang

pokok lengkuas

serai

teratai

4.1.1



**TAMAN SAINS
SK DAMAI UTAMA**

pokok pandan

pokok kunyit

pokok betik

pokok sireh

paku pakis

SOALAN

Namakan tumbuhan yang terdapat di sekitar rumah kamu.



Bahagian Tumbuhan dan Fungsinya

Ayah Dev menanam pokok terung pipit.
Sebutkan bahagian yang terdapat pada pokok tersebut. Kemudian, nyatakan fungsi bahagiannya.

buah

melindungi biji benih

daun


membuat makanan

batang

mengangkut makanan dan air ke seluruh bahagian pokok

akar

menyerap air dan nutrien



4.1.2

4.1.3

bunga
bertukar menjadi
buah

dahan
menyokong daun,
bunga dan buah

duri
melindungi diri
daripada musuh

Apakah kepentingan
tumbuhan kepada
persekitaran kita?



Kepentingan
tumbuhan kepada
persekitaran kita
adalah sebagai
sumber makanan dan
sumber perubatan.



SOALAN

Lakarkan tumbuhan yang pernah kamu lihat. Labelkan bahagian tumbuhan itu dan nyatakan fungsinya.



SAYA INGAT



1. Terdapat pelbagai tumbuhan di persekitaran kita seperti pokok pisang dan pokok betik.
2. Bahagian tumbuhan terdiri daripada batang, daun, dahan, buah, bunga, akar dan duri.
3. Setiap bahagian tumbuhan mempunyai fungsinya yang tersendiri.


Bahagian Tumbuhan	Fungsinya
batang	mengangkut makanan dan air ke seluruh bahagian pokok
daun	membuat makanan
dahan	menyokong daun, bunga dan buah
buah	melindungi biji benih
bunga	bertukar menjadi buah
akar	menyerap air dan nutrien
duri	melindungi diri daripada musuh



SAYA JAWAB

Jawab semua soalan dalam buku latihan.

1. Namakan dua pokok di persekitaran sekolah kamu.
(a) _____  _____ (b) _____  _____
2. Labelkan bahagian tumbuhan di bawah dan nyatakan fungsinya.



KBAT

Jelaskan keadaan tumbuhan jika tidak mempunyai akar.

Pada cuti persekolahan yang lepas, Dev dan abangnya pulang ke kampung mereka untuk melihat kelip-kelip.

Wah, cantiknya!
Itu apa?

Itu kelip-kelip.


Adakah kelip-kelip mengeluarkan cahaya?



Sumber Cahaya

Cahaya merupakan sesuatu yang dapat mewujudkan keadaan terang. Cahaya dihasilkan daripada beberapa sumber.

Sebutkan sumber cahaya dalam gambar di bawah.





Keperntingan Cahaya

Cahaya membantu kita untuk melihat dengan lebih jelas dan memudahkan aktiviti harian.

Perhatikan keadaan Dev di bawah.



Dev dapat membaca buku dengan selesa dalam keadaan terang berbanding dengan keadaan gelap. Membaca dalam keadaan terang juga dapat menjaga kesihatan mata Dev.



SOALAN

Sekiranya kamu terlibat dalam aktiviti perkhemahan, situasi manakah yang menjadi pilihan kamu? Jelaskan.



5.1.2

Buku Aktiviti
Halaman


28



Wah, Kita Serupa!

Perhatikan gambar. Bentuk bunga yang berwarna hitam dinamakan bayang-bayang.

bayang-bayang



objek

sumber cahaya

Bayang-bayang terhasil apabila cahaya dihalang oleh objek.



SAYA CUBA

Menghasilkan Bayang-bayang

Alat dan Bahan



meja



batang plastik



pen penanda



pita pekat



lampu suluh



kotak




gunting



AWAS

5.1.3

Langkah-langkah



1 Lakar bentuk objek yang dikehendaki.




2 Gunting bentuk objek.




3 Lekat batang plastik pada bentuk objek.



4 Letak bentuk objek di depan lampu suluh.



5 Perhatikan bayang-bayang yang terbentuk.



6 Ulang langkah 1 hingga 5 menggunakan bentuk objek yang lain.



Nota Guru

Lakaran bentuk objek boleh dipelbagaikan mengikut tahap keupayaan murid.





SAYA INGAT

1. Antara sumber cahaya termasuklah matahari, lampu dan api.
2. Cahaya membantu kita untuk melihat dengan lebih jelas dan memudahkan aktiviti harian.
3. Bayang-bayang terhasil apabila cahaya dihalang oleh sesuatu objek.



SAYA JAWAB

Jawab semua soalan dalam buku latihan.

1. Namakan sumber cahaya di bawah.



(a) _____



(b) _____



(c) _____

2. Apakah kepentingan cahaya dalam kehidupan harian?
3. Lengkapkan ayat di bawah.



X ialah _____.

4. Bagaimanakah bayang-bayang boleh terbentuk?



KBAT

Sekiranya bekalan elektrik terputus pada waktu malam, apakah sumber cahaya yang akan kamu gunakan? Mengapa?

Perhatikan situasi di bawah.



Apakah aktiviti yang dilakukan oleh Amir dan keluarganya?



Sumber Air Semula Jadi

Air diperoleh daripada beberapa sumber air semula jadi. Antaranya termasuklah hujan, laut, perigi, sungai dan tasik.

laut


sungai



SOALAN

Sebutkan sumber air semula jadi yang terdapat dalam gambar ini.

6.1.1



hujan

tasik

perigi



Kepentingan Air

Air penting untuk benda hidup. Gambar di bawah menunjukkan kepentingan air dalam kehidupan.

1 sumber minuman kepada manusia dan haiwan



2 sumber air kepada tumbuhan




3 habitat hidupan air



SOALAN

Apakah kepentingan air yang lain dalam kehidupan harian kamu?



6.2.1

Buku Aktiviti
Halaman

33



Punca Pencemaran Air

Pencemaran air berlaku disebabkan oleh beberapa punca. Antara punca tersebut termasuklah seperti dalam gambar di bawah.



pembuangan sampah sarap

pembuangan
sisa toksik



tumpahan minyak



SOALAN

Senaraikan punca pencemaran air yang telah kamu pelajari.

6.2.2





Kesan Pencemaran Air

Pencemaran air memberikan kesan kepada kehidupan. Mari kita lihat kesan tersebut.

hidupan air mati

air menjadi kotor

kekurangan air bersih

SOALAN

Apakah kesannya jika kamu minum air yang tercemar?



6.2.3

Buku Aktiviti
Halaman

35



Cara Mengatasi Pencemaran Air



Kita bertanggungjawab menjaga sumber air daripada tercemar.

Yang berikut ialah cara-cara untuk mengatasi pencemaran air:




1 mematuhi peraturan



2 menyertai kempen



3 menjalankan gotong-royong



4 menghadiri ceramah kesedaran



SOALAN

Bagaimanakah kamu mengatasi pencemaran air di kawasan kediaman kamu?

6.2.4





SAYA INGAT

1. Sumber air semula jadi ialah hujan, laut, perigi, sungai dan tasik.
2. Antara kepentingan air dalam kehidupan termasuklah sumber minuman kepada manusia dan haiwan, sumber air kepada tumbuhan dan habitat hidupan air.
3. Punca pencemaran air adalah seperti pembuangan sampah sarap, pembuangan sisa toksik dan tumpahan minyak.
4. Kesan pencemaran air ialah air menjadi kotor, hidupan air mati dan kekurangan air bersih.
5. Cara mengatasi pencemaran air ialah mematuhi peraturan, menyertai kempen, menjalankan gotong-royong dan menghadiri ceramah kesedaran.



SAYA JAWAB

Jawab semua soalan dalam buku latihan.

1. Namakan lima sumber air semula jadi.
2. Nyatakan kepentingan air dalam kehidupan.
3. Senaraikan punca pencemaran air.
4. Jelaskan kesan pencemaran air.
5. Terangkan cara untuk mengatasi pencemaran air.



KBAT

Bagaimanakah cara kamu menjimatkan penggunaan air di sekolah?

Mei Mei dan keluarganya menaiki kereta kabel di Pulau Langkawi.



Wah, cantiknya Pulau Langkawi!

Apakah yang dapat Mei Mei lihat dari situ?




Bentuk Muka Bumi Kita


Terdapat beberapa bentuk muka bumi. Kenal pasti bentuk muka bumi yang dilabelkan.



gunung



tasik



sungai




tebing tinggi



pantai



Bentuk muka bumi dapat dikelaskan kepada **tanah tinggi**, **tanah pamah** dan **pinggir laut**.



bukit

tanah tinggi terdiri daripada gunung dan bukit



paya

tanah pamah terdiri daripada tasik, sungai dan paya

pinggir laut terdiri daripada tebing tinggi dan pantai



SOALAN

Cari enam gambar bentuk muka bumi. Kelaskannya kepada tanah tinggi, tanah pamah dan pinggir laut.



Kepentingan Bentuk Muka Bumi

Bentuk muka bumi mempunyai banyak kepentingannya. Antara kepentingan tersebut termasuklah dari segi ekonomi, kawasan tadahan air dan pelancongan.

1. ekonomi



Pertanian di kawasan tanah pamah dan perikanan di pinggir laut dapat menjanakan sumber pendapatan.

2. kawasan tadahan air



Tanah tinggi berperanan sebagai kawasan tadahan air.

3. pelancongan



Pinggir laut dan tanah tinggi dapat dijadikan sebagai tempat tarikan dan pusat pelancongan.



SOALAN

Nyatakan kepentingan kawasan tanah tinggi di bawah.





Mari Cipta Model



SAYA CUBA

Membina Model Bentuk Muka Bumi

Alat dan Bahan



doh



pita pelekat



kotak



pasir



surat khabar



pokok renek



rumput

tebing tinggi

pantai

gunung

paya


tasik

bukit

sungai

label bentuk muka bumi

Langkah-langkah



- 1 Lakar kedudukan bentuk muka bumi di atas kotak.



- 2 Gumpal surat khabar untuk membina model bukit dan gunung.



- 3 Lekat model bentuk muka bumi di atas lakaran. Hiaskan dengan pasir, rumput dan pokok renek.



- 4 Label bentuk muka bumi.

7.1.4



Model Bentuk Muka Bumi



SOALAN

Hasilkan model bentuk muka bumi mengikut kreativiti kamu.



Nota Guru

Doh boleh dihasilkan dengan menggunakan bahan-bahan seperti tepung, garam, minyak dan pewarna makanan.





SAYA INGAT




1. Bentuk muka bumi terdiri daripada gunung, bukit, sungai, paya, tasik, tebing tinggi dan pantai.
2. Bentuk muka bumi dapat dikelaskan kepada:
 - (a) tanah tinggi, iaitu gunung dan bukit,
 - (b) tanah pamah, iaitu sungai, paya dan tasik, dan
 - (c) pinggir laut, iaitu tebing tinggi dan pantai.
3. Bentuk muka bumi penting untuk:
 - (a) ekonomi,
 - (b) kawasan tadahan air, dan
 - (c) pelancongan.



SAYA JAWAB

Jawab semua soalan dalam buku latihan.

1. Namakan bentuk muka bumi di bawah.



(a)

(b)

(c)

2. Kelaskan bentuk muka bumi yang berikut:

gunung

tebing tinggi

bukit

pantai

tasik

paya

sungai

3. Apakah kepentingan bentuk muka bumi?



KBAT

Apakah yang akan berlaku sekiranya bukit digondolkan?

Amir dan keluarganya sedang menonton televisyen di ruang tamu.

Cuaca tidak menentu sekarang ini.

Ya, hari-hari hujan lebat. Abang takut.

Kita perlu berhati-hati dan sentiasa mendengar arahan pihak berkuasa.

Mengapakah Amir berasa takut apabila hujan lebat setiap hari?



Banjir dan Tanah Runtuh


Banjir ialah keadaan air yang menenggelami kawasan yang luas.



Tanah runtuh ialah tanah yang menggelongsor dari kawasan tinggi ke kawasan rendah.



8.1.1
8.1.2



Punca banjir dan tanah runtuh dapat dilihat berdasarkan keadaan di bawah.

Hujan lebat yang berterusan boleh menyebabkan banjir dan tanah runtuh.

Penebangan pokok yang tidak terkawal boleh menyebabkan tanah runtuh.

Saliran sungai yang terhalang menyebabkan air sungai melimpah dan mengakibatkan banjir.



Kesan Banjir dan Tanah Runtuh

Banjir dan tanah runtuh menyebabkan perubahan terhadap persekitaran dan memberikan kesan kepada kehidupan.

perbezaan persekitaran sebelum dan selepas banjir

sebelum banjir



selepas banjir



kesan banjir



kegiatan harian terjejas



kecederaan dan kematian

8.1.3

perbezaan persekitaran sebelum dan selepas tanah runtuh



kesan tanah runtuh



terputus hubungan



kemusnahan harta benda



SOALAN

Ceritakan kesan kejadian banjir dan tanah runtuh yang kamu lihat.



Keselamatan Keutamaan Kita

Yang berikut ialah langkah-langkah keselamatan semasa berlaku banjir dan tanah runtuh yang perlu kita patuhi:



SOALAN

Bagaimanakah cara kamu menjaga keselamatan diri sekiranya berlaku banjir dan tanah runtuh?

8.1.4



Cara Mengatasi Banjir dan Tanah Runtuh

Kita boleh mengatasi masalah banjir dan tanah runtuh melalui cara-cara seperti yang berikut:



membersihkan persekitaran sungai supaya aliran air tidak terganggu

menanam semula pokok di lereng bukit



SOALAN

Secara berkumpulan, bincangkan cara lain yang boleh mengatasi masalah banjir dan tanah runtuh.

memelihara hutan



SAYA CUBA



Mari hasilkan buku skrap berkaitan dengan kejadian banjir dan tanah runtuh.



8.1.5



Nota Guru

Gambar banjir dan tanah runtuh boleh diperoleh daripada pelbagai sumber.

Buku Aktiviti
Halaman

50



SAYA INGAT

1. Antara bencana alam yang berlaku di negara kita termasuklah banjir dan tanah runtuh.
2. Punca banjir dan tanah runtuh ialah:
 - (a) hujan lebat yang berterusan,
 - (b) penebangan pokok yang tidak terkawal, dan
 - (c) air sungai yang melimpah.
3. Kesan kejadian banjir dan tanah runtuh ialah:
 - (a) kegiatan harian terjejas,
 - (b) kecederaan dan kematian,
 - (c) terputus hubungan, dan
 - (d) kemusnahan harta benda.
4. Antara langkah-langkah keselamatan diri semasa banjir dan tanah runtuh termasuklah tidak bermain air banjir dan sentiasa mendengar arahan ibu bapa.
5. Cara mengatasi banjir dan tanah runtuh ialah:
 - (a) membersihkan persekitaran sungai, dan
 - (b) menanam semula pokok di lereng bukit.



SAYA JAWAB

Jawab semua soalan dalam buku latihan.

1. Apakah itu banjir dan tanah runtuh?
2. Jelaskan punca kejadian banjir dan tanah runtuh.
3. Huraikan kesan banjir dan tanah runtuh.
4. Apakah langkah-langkah keselamatan semasa kejadian banjir dan tanah runtuh?
5. Sebutkan cara-cara mengatasi banjir dan tanah runtuh.



KBAT

Mengapakah kamu perlu mengelakkan diri daripada bermain air banjir?

Bulan purnama bersinar indah,
 Berkelip cahaya bintang kejora;
 Kitar semula banyak faedah,
 Bumi dipelihara hidup sejahtera.

Apakah objek yang digunakan sebagai bekas untuk menanam pokok-pokok di atas?



Apakah Kitar Semula?

Botol, Tin dan Kotak sedang berbual di taman.
Mari kita ikuti perbualan mereka.

Hai, Tin dan Kotak!
Adakah kamu pernah
mendengar tentang
kitar semula?

Tidak, Botol. Kitar
semula itu apa?

Kitar semula ialah cara
memproses bahan-bahan
buangan supaya dapat
digunakan semula.



Bahan yang Boleh Dikitar Semula

Terdapat pelbagai bahan buangan di sekeliling kita yang dapat dikitar semula. Antara bahan buangan tersebut termasuklah kertas, kaca, tin dan plastik.

Mari kita kenal pasti bahan yang boleh dikitar semula berdasarkan label di bawah.



SOALAN

Berdasarkan gambar di atas, adakah bahan yang bertanda A, B dan C boleh dikitar semula?



Kenali Simbol dan Warna Tong Kitar Semula

Cikgu Sani menunjukkan tempat Pengumpulan Barangan Kitar Semula kepada Stacy dan Dev. Mari kita ikuti dialog di bawah.

Cikgu, ini tempat apa?

Ini ialah tempat Pengumpulan Barangan Kitar Semula.

Bahan buangan hendaklah dimasukkan ke dalam tong kitar semula yang betul.

9.1.3

Kitar semula mempunyai simbol seperti di sebelah. Simbol ini dapat dilihat pada tong kitar semula.



Tong kitar semula dibezakan mengikut warna seperti yang berikut:



SOALAN

Bolehkah kamu bezakan warna tong kitar semula mengikut jenis bahan? Nyatakan.



Kepentingan Kitar Semula

Kitar semula mempunyai banyak kepentingan kepada alam sekitar. Antara kepentingannya termasuklah seperti yang berikut:



- 1 mengurangkan bahan buangan di tapak pelupusan sampah



- 2 mengurangkan penggunaan bahan semula jadi

Kitar semula juga dapat memulihara dan memelihara alam semula jadi.



SOALAN

Terangkan kepentingan kitar semula kepada alam sekitar.

9.1.4




Bekas Alat Tulis



SAYA CUBA

Langkah-langkah



- 1 Ukur bahagian botol yang hendak dipotong.

Alat dan Bahan



AWAS



- 2 Potong bahagian ukuran untuk membuat lubang.



- 3 Gam penutup botol pada bahagian tepi botol.



- 4 Hiaskan botol mengikut kreativiti kamu.



SOALAN

Hasilkan bekas alat tulis bersama-sama dengan rakan kamu di dalam kelas.



Nota Guru

Botol boleh digantikan dengan bahan lain mengikut kesesuaian.






SAYA INGAT

1. Kitar semula ialah cara memproses bahan-bahan buangan supaya dapat digunakan semula.
2. Bahan yang boleh dikitar semula ialah kertas, kaca, tin dan plastik.

3.




Simbol	Jenis Bahan	Warna Tong
 kitar semula	kertas	biru
	kaca	coklat
	tin/plastik	jingga

4. Kepentingan kitar semula kepada alam sekitar ialah:
 - (a) mengurangkan bahan buangan di tapak pelupusan sampah, dan
 - (b) mengurangkan penggunaan bahan semula jadi.
 Kitar semula juga dapat memulihara dan memelihara alam semula jadi.



SAYA JAWAB

Jawab semua soalan dalam buku latihan.

1. Apakah maksud kitar semula?
2. Senaraikan bahan yang boleh dikitar semula.
3. Nyatakan warna tong kitar semula mengikut bahan:
 - (a) kertas : _____ 
 - (b) kaca : _____ 
 - (c) tin/plastik : _____ 
4. Jelaskan kepentingan kitar semula kepada alam sekitar.



KBAT

Apakah yang perlu kita lakukan kepada sisa makanan?

Cikgu Sani membawa murid-murid melawat Tugu Negara. Perhatikan situasi di bawah.



Murid-murid, ini ialah Tugu Negara. Tugu ini dibina bagi mengingati pejuang yang terkorban di medan perang.

Pada pendapat kamu, mengapakah Cikgu Sani membawa murid-muridnya melawat Tugu Negara?



Negaraku Merdeka

Negara kita mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Pada tarikh tersebut, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah mengisytiharkan kemerdekaan di Stadium Merdeka.



(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

10.1.1

Siapakah Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj?



(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

BIODATA

Nama : Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
Tarikh Lahir : 8 Februari 1903
Gelaran : Bapa Kemerdekaan

Imbas Saya



Layari laman sesawang www.youtube.com/watch?v=dgWwgpBMSZo untuk mendengar lagu Tanggal 31 Ogos oleh Ahmad CB. (Dicapai pada 2 Ogos 2019)



SOALAN

Ceritakan tentang kemerdekaan negara kita kepada rakan kamu.



Benderaku







Bendera Malaysia dikenali sebagai Jalur Gemilang. Gambar di bawah menunjukkan Jalur Gemilang. Warna dan simbol pada Jalur Gemilang mempunyai maksud tertentu.



Imbas Saya



Layari laman sesawang www.youtube.com/watch?v=qU8hnTglkgs untuk mendengar lagu Jalur Gemilang. (Dicapai pada 2 Ogos 2019)

Warna/Symbol	Maksud
	warna biru melambangkan perpaduan
	warna putih melambangkan kesucian
	warna merah melambangkan keberanian
	warna kuning melambangkan warna bagi Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja
	anak bulan melambangkan Islam sebagai agama rasmi
	bintang pecah 14 dan 14 jalur merah serta putih melambangkan 14 buah negeri termasuk Wilayah Persekutuan



SOALAN

Apakah maksud warna merah dan simbol anak bulan yang terdapat pada Jalur Gemilang?

10.2.1

Buku Aktiviti

Halaman

59



Lagu Negaraku

Lagu *Negaraku* merupakan lagu kebangsaan bagi negara Malaysia.



Mari kita bersama-sama menyanyikan lagu *Negaraku*.

Imbas Saya



Layari laman sesawang www.youtube.com/watch?v=AMDIAxdyKZM untuk mendengar lagu *Negaraku*. (Dicapai pada 2 Ogos 2019)

Negaraku
Tanah tumpahnya darahku
Rakyat hidup
Bersatu dan maju

Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja kita
Selamat bertakhta

Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja kita
Selamat bertakhta

Kita perlu berdiri tegak dan menyanyikan lagu *Negaraku* dengan penuh semangat.

10.2.2

Buku Aktiviti

Halaman

58-59



Sayangi Malaysiaku

Lagu *Negaraku* dapat mendidik semangat patriotik.
Mari kita ikuti perbualan di bawah.

Negaraku
Tanah tumpahnya darahku
Rakyat hidup
Bersatu dan maju

Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja kita
Selamat bertakhta

Apakah kaitan antara lagu *Negaraku* dengan semangat patriotik?

Memupuk semangat setia dan sanggup berkorban demi negara.

Hidup bersatu padu.

Taat setia kepada raja.



SOALAN

Sebutkan rangkap lagu *Negaraku* yang berkaitan dengan semangat bersatu padu.

10.2.3

Buku Aktiviti
Halaman

60



Ibu Negaraku

Amir dan rakannya sedang membaca maklumat di papan kenyataan sekolah. Lakonkan situasi mereka.

Cantik betul bangunan ini. Apakah nama bangunan ini?

Ini ialah Bangunan Sultan Abdul Samad.

Di manakah terletaknya bangunan ini, Dev?

Bangunan ini terletak di ibu negara kita, iaitu Kuala Lumpur.



SOALAN

Apakah nama ibu negara kita?

10.3.1

Buku Aktiviti
Halaman

61



Malaysia Negaraku

Negeri-negeri di Malaysia mempunyai bendera dan ibu negeri masing-masing. Mari kita perhatikan peta di bawah.



10.3.2

Negara kita mempunyai 14 buah negeri termasuk Wilayah Persekutuan. Wilayah Persekutuan terdiri daripada Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Kata kunci:

- - bendera
- - negeri
- - ibu negeri



- Sabah
- Kota Kinabalu



- Wilayah Persekutuan

- Labuan
- Kuala Lumpur
- Putrajaya



- Sarawak
- Kuching



SOALAN

Kenali bendera, negeri dan ibu negeri di negara kita.



SAYA CUBA



Mari hasilkan buku skrap berkaitan dengan sejarah kemerdekaan negara Malaysia.





SAYA INGAT

1. Negara kita merdeka pada 31 Ogos 1957.
2. Kemerdekaan negara kita telah diisytiharkan di Stadium Merdeka.
3. Bapa Kemerdekaan negara ialah Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.
4. Simbol dan warna Jalur Gemilang mempunyai maksud yang tertentu.
5. Lagu kebangsaan negara kita ialah lagu *Negaraku*.
6. Lagu *Negaraku* dapat mendidik semangat patriotik.
7. Ibu negara Malaysia ialah Kuala Lumpur.
8. Setiap negeri mempunyai ibu negeri dan bendera masing-masing.



SAYA JAWAB

Jawab semua soalan dalam buku latihan.

1. Bilakah negara kita mencapai kemerdekaan?
2. Di manakah pengisytiharan kemerdekaan dilakukan?
3. Siapakah Bapa Kemerdekaan negara kita?
4. Apakah maksud warna putih pada Jalur Gemilang?
5. Sebutkan nama lagu kebangsaan negara kita.
6. Apakah kaitan antara lagu *Negaraku* dengan semangat patriotik?
7. Apakah nama ibu negara Malaysia?
8. Sebutkan nama negeri dan ibu negeri di Malaysia.



KBAT

Mengapakah kita perlu mempunyai semangat patriotik?

Sekolah Kebangsaan Damai Utama telah mengadakan Karnival Kebudayaan. Stacy dan rakan-rakannya telah menyertai pertunjukan pakaian mengikut kaum.

KARNIVAL KEBUDAYAAN SK DAMAI UTAMA



Apakah pendapat kamu tentang pakaian kaum di atas?



Kaum Utama di Malaysia

Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum. Kita boleh mengenali kepelbagaian kaum berdasarkan identiti masing-masing. Cuba kamu perhatikan gambar di bawah.



Melayu



Cina



India



Peribumi



SOALAN

Namakan kaum utama di Malaysia.





Makanan Kaum Utama di Malaysia

Identiti kaum di Malaysia juga boleh dikenali melalui makanan. Mari kita kenali makanan tersebut.

Melayu

1



ketupat

Cina

2



kuih bakul

India

3



tose

Peribumi

4



pinarasakan

5



manuk
pansuh

6



lemang



SOALAN

Apakah makanan tradisi kaum utama di Malaysia?

11.1.2



SAYA INGAT

1. Malaysia mempunyai empat kaum utama, iaitu Melayu, Cina, India dan Peribumi.
2. Setiap kaum dapat dikenali berdasarkan pakaian dan makanan mereka.



SAYA JAWAB

Jawab semua soalan dalam buku latihan.

1. Namakan kaum-kaum utama di Malaysia.
2. Tulis nama kaum berdasarkan pakaian mereka.

(a)



(b)



(c)



(d)



3. Senaraikan makanan bagi kaum utama di Malaysia.

Kaum	Makanan
(a) Melayu	
(b) Cina	
(c) India	
(d) Peribumi	



KBAT

Bagaimanakah cara kamu mengenali rakan kamu daripada kaum yang lain?

Amir dan bapanya pergi ke pasar raya menaiki bas.
Perhatikan situasi di bawah.



Pada pendapat kamu, mengapakah Amir dan bapanya
pergi ke pasar raya?



Pasar Raya di Tempat Saya


Amir dan bapanya membeli-belah di pasar raya.
Mari kita lihat suasana di pasar raya.





Banyak barang keperluan boleh didapati di pasar raya seperti susu, buah-buahan dan sayur-sayuran. Di pasar raya, kemudahan seperti bakul, troli dan kaunter bayaran turut disediakan.



 **SOALAN**

Ceritakan suasana pasar raya di tempat kamu.



Komunikasi di Pasar Raya

Komunikasi yang baik adalah dengan mengamalkan ucapan yang sopan. Mari kita lihat dialog dalam situasi ini. Lakonkan.



Ini bakinya.

Terima kasih, cik.

Sama-sama.

12.1.2



SOALAN

Bagaimanakah kamu ingin meminta pertolongan daripada penjual untuk mengambil barang di tempat yang tinggi?



Cik, di manakah saya boleh dapatkan pensel warna?

Di sebelah sana.



Ucapan dan Tingkah Laku Baik

Mei Mei dan ibunya telah selesai membeli barang di pasar raya. Mari kita lihat cara Mei Mei menggunakan ucapan dan tingkah laku yang baik dengan ibunya.



SOALAN

Bagaimanakah tingkah laku kamu ketika berada di kantin sekolah?

12.2.1



Jamuan Kelas Akhir Tahun

Kelas kamu akan mengadakan jamuan akhir tahun. Kamu dan rakan-rakan diminta untuk membeli barang keperluan di pasar raya.

Langkah-langkah

1. Lakukan aktiviti secara berkumpulan.
2. Dapatkan senarai semak barangan yang hendak dibeli daripada guru.
3. Jalankan aktiviti membeli-belah bersama-sama dengan guru.

Senarai Semak Kumpulan A

Makanan dan Minuman

- kek
- coklat
- biskut
- kacang
- buah epal
- jus minuman

Senarai Semak Kumpulan B

Peralatan

- tisu
- belon
- cawan kertas
- pinggan kertas
- plastik sampah



SOALAN

Ceritakan pengalaman kamu ketika membeli-belah di pasar raya.



SAYA INGAT

1. Pasar raya ialah tempat membeli barang-barang keperluan harian.
2. Contoh ucapan yang sopan ketika berkomunikasi di pasar raya adalah seperti ucapan “terima kasih” dan “sama-sama”.
3. Kita harus mengamalkan tingkah laku yang baik. Contohnya, membantu ibu bapa ketika membeli barang keperluan.



SAYA JAWAB

Jawab semua soalan dalam buku latihan.

1. Ceritakan keadaan di pasar raya.
2. Nyatakan cara berkomunikasi yang baik ketika berada di pasar raya.
3. Berikan contoh ucapan sopan ketika berada di pasar raya.

(a) _____ 

(b) _____ 

4. Apakah yang patut kamu lakukan apabila menemani ibu bapa membeli-belah?

(a) _____ 

(b) _____ 



KBAT

Mengapakah kamu perlu mengamalkan ucapan dan tingkah laku yang baik?